

UPSI, JLKN kukuh kerjasama tingkatkan modul PLKN 3.0

Tanjong Malim, 17 Januari - Fakulti Teknikal dan Vokasional (FTV), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) memperkuatkan kerjasama dengan Jabatan Latihan Khidmat Negara (JLKN) bagi menambah baik sistem latihan Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) 3.0.

Naib Canselor UPSI, Prof Datuk Dr. Md. Amin Md. Taff berkata, kerjasama dijalin itu juga bermatlamat mengukuhkan pelaksanaan Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) dalam kalangan pelatih Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) Siri 1/2025 dengan kerjasama Majlis TVET Negara.

Beliau berkata, menerusi lawatan JLKN ke UPSI kelmarin, perbincangan dilaksanakan memberi tumpuan kepada pelbagai aspek pelaksanaan


TVET yang relevan dengan pembangunan modul PLKN 3.0 termasuk taklimat, pameran dan lawatan ke bengkel teknikal yang terdapat di fakulti berkenaan. "Langkah ini dilihat sebagai inisiatif penting dalam menyuntik elemen kemahiran teknikal dan vokasional dalam

program khidmat negara yang bertujuan membentuk generasi muda yang lebih berkemahiran dan berdaya saing. "Lawatan ini membuktikan kesungguhan semua pihak untuk memperkuatkan modul latihan yang tidak hanya bersifat akademik tetapi turut memberi tumpuan kepada kemahiran teknikal yang amat diperlukan dalam era moden ini," katanya di sini hari ini. Md. Amin berkata, UPSI bersedia untuk menjadi rakan strategik dalam menjayakan modul PLKN 3.0 dengan menawarkan kepakaran, fasiliti, dan pengalaman terbaik dalam bidang TVET.

"Kami percaya bahawa kolaborasi ini mampu melahirkan belia yang bukan sahaja berkemahiran tinggi tetapi juga bersedia untuk menyumbang kepada pembangunan negara dalam pelbagai sektor," tambahnya. "Kerjasama ini juga memberi peluang kepada pelatih PLKN untuk merasai pengalaman pembelajaran yang lebih holistik, sekali gus mengintegrasikan elemen teknikal dan vokasional dengan nilai-nilai patriotisme yang menjadi asas utama PLKN."

Tambah beliau, dengan sokongan JLKN dan Majlis TVET Negara, UPSI komited untuk menerajui usaha ini ke arah melahirkan generasi muda yang memiliki kemahiran pelbagai dan mampu menghadapi cabaran dunia pekerjaan yang semakin kompleks," katanya. Pengarah Operasi Latihan JLKN, Kolonel Mazlizan Shaikh Osman pula berkata, kerjasama dengan UPSI membuka peluang besar untuk pihaknya mempertingkatkan kualiti latihan PLKN 3.0. "Fasiliti dan kepakaran yang ditawarkan UPSI sangat relevan dengan keperluan semasa dalam membentuk generasi muda yang lebih kompeten.

"Kami yakin melalui inisiatif ini, pelatih PLKN bukan sahaja dapat meningkatkan kemahiran teknikal mereka, tetapi juga membina jati diri yang kuat sebagai rakyat Malaysia," katanya



PENERAJU KEBITARAAN PENDIDIKAN



Projek ternakan Tilapia UPSI perkasa komuniti asnaf

Tanjong Malim, 17 Januari - Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) melancarkan Projek Ternakan Ikan Sangkar Tilapia di bawah Geran Pendayaan Komuniti Universiti Awam (Komuniti@Unimadani) 17 Januari lalu sebagai inisiatif memperkasakan komuniti asnaf dan membantu mereka menjana pendapatan melalui kemahiran keusahawanan dan TVET.

Naib Canselor UPSI, Prof. Datuk Dr. Md Amin Md Taff, berkata projek yang dirasmikan di Tasik Glamping, Kampus Sultan Azlan Shah, UPSI itu bertujuan memanfaatkan

kepakaran universiti untuk meningkatkan taraf hidup komuniti asnaf dalam kalangan pelajar UPSI dan penduduk Muallim.

"Projek ini mencerminkan komitmen UPSI untuk menyokong pembangunan komuniti melalui pemindahan ilmu dan kemahiran." Ia adalah contoh nyata bagaimana universiti boleh memainkan peranan proaktif dalam membantu masyarakat setempat, khususnya golongan asnaf, untuk mencapai kehidupan yang lebih baik.

Menurut beliau, projek itu turut menyumbang kepada usaha kerajaan untuk mengurangkan

bilangan belia yang tidak bekerja atau tidak melanjutkan pelajaran.

"Latihan yang diberikan melalui projek ini, termasuk teori dan amali penternakan Tilapia, bertujuan melahirkan generasi belia yang berpengetahuan, berkemahiran tinggi, dan mampu menjana ekonomi komuniti."

Projek ini dibiayai melalui geran Komuniti@Unimadani dengan sokongan Kementerian Kewangan (MOF), Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (RMIC) UPSI, Fakulti Teknikal dan Vokasional (FTV) UPSI serta Pusat Kokurikulum UPSI.



Contoh konsep kartun animasi mata pelajaran Ekonomi tingkatan 4 untuk topik permintaan dan penawaran



Konsep Kartun Meningkatkan Pemikiran Kritis Pelajar

Penyelidik: Prof Dr Khoo Yin Yin, FPE

Pengajaran menggunakan kartun yang digabungkan dengan konsep asas digelar sebagai konsep kartun. Kaedah konsep kartun ini amat popular dalam mata pelajaran sains dan sains kemasyarakatan yang mempunyai konsep yang sukar difahami seperti fizik, biologi, kimia dan ekonomi. Kajian juga menunjukkan pengajaran dan pembelajaran yang berdasarkan kartun bukan sahaja menimbulkan minat pelajar bahkan dapat mengasah pemikiran kritis mereka. Sebenarnya, konsep kartun sesuai digunakan dalam mana-mana mata pelajaran yang mempunyai konsep asas yang sukar difahami. Konsep kartun yang berbentuk animasi dengan jalan cerita yang berkait rapat dengan

kehidupan harian pelajar dan budaya tempatan sesuai digunakan sebagai kaedah pembelajaran zaman teknologi ini.

Kaedah pembelajaran begini bukan bermaksud pelajar boleh memahami konsep secara automatik tanpa penerangan, sebaliknya pelajar dituntut untuk lebih memahami konsep dan menguasai topik dengan kaedah kolaboratif (berkumpulan). Justeru, pelajar dapat berbincang dalam kumpulan dengan soalan yang diajukan dalam gambar kartun. Soalan perbincangan adalah wajar dalam bentuk mencabar untuk mencungkil pemikiran pelajar. Guru juga boleh minta pelajar melukis kartun sendiri untuk menimbul minat dan menguji pemahaman pada akhir perbincangan juga. Selain itu, konsep kartun juga

boleh muncul di set induksi untuk menarik perhatian pelajar. Ia juga dapat digunakan pada akhir pelajaran untuk mengukuhkan konsep yang diajar. Sebenarnya dalam persekitaran pembelajaran digital ini, ramai pelajar sekolah menengah mahupun sekolah rendah pandai menggunakan aplikasi peranti mobile. Adalah wajar, minta pelajar menghasilkan agartar sendiri dan menulis jalan cerita dan dialog yang berkaitan dengan konsep yang dipelajari. Walau bagaimanapun, kejayaan melaksanakan sesuatu kaedah adalah bergantung kepada usaha guru dan penglibatan pelajar. Jika salah satu pihak kurang memainkan peranan, misalnya guru tidak memberi bimbingan yang sewajarnya kepada pelajar atau pelajar kurang melibatkan diri, maka ia juga tidak mendatangkan hasil.

Majlis Makan Malam Sambutan Tahun Baru Cina Bersama Pelajar Antarabangsa

Tanjong Malim, 17 Januari - Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) menganjurkan Majlis Makan Malam Sambutan Tahun Baru Cina 2025, bagi meraikan pelajar antarabangsa serta mengukuhkan semangat perpaduan dan kepelbagaiannya dalam kalangan warga universiti. Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UPSI, Prof. Dr. Abdul Rahim Razalli berkata, penganjuran majlis tersebut mencerminkan komitmen universiti dalam membentuk

persekitaran inklusif serta menggalakkan keharmonian antara kaum.

"Kami ingin memastikan pelajar antarabangsa berasa dihargai dan disambut sebagai sebahagian daripada keluarga besar UPSI." Sambutan seperti ini memberi peluang kepada mereka untuk mengenali keunikan budaya masyarakat Malaysia," katanya ketika berucap pada majlis tersebut. Tambah beliau, majlis tersebut menjadi platform penting untuk membina hubungan erat antara

pelajar tempatan dan antarabangsa."Majlis ini bukan sahaja meraikan kepelbagaiannya budaya, malah turut memupuk rasa hormat dan pemahaman antara pelajar dari latar belakang yang berbeza." Kami di UPSI amat komited untuk membentuk komuniti kampus yang harmoni dan menyokong pembelajaran holistik.

Beliau berkata demikian ketika berucap sempena merasmikan Majlis Makan Malam Kampus Sultan Azlan Shah, UPSI.



Penyerahan Peranti dan Sijil Kolaboratif bagi Program Anak Kita: Tuisyen SPM



Program Executive Talk Naib Canselor 3.0 Bersama Jawatankuasa Pengurusan PTJ UPSI



Kunjungan Hormat dan Lawatan Kerja Universiti Fatoni, Thailand



Majlis Menandatangani MOU antara UPSI Dengan Universitas PGRI Palembang Indonesia



Majlis Pelantikan Profesor dan Syarahan Budiman Prof. Dr. Abd Rahman Abd Ghani



FSM UPSI, Manebi Inc., Leave A Nest Sdn. Bhd Tandatangani LOI, Perkasa Agenda Kecerdasan Buatan (AI) dan STEM dan Pendidikan Sains dan Matematik